

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD  
FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK  
BERNAM ]**

**TARIKH : 16 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan akan melaksanakan penambahbaikan Skim Perkhidmatan Awam di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) termasuk pengenalan gred baharu dan pemansuhan gred 17 dan 27 dan sejauh manakah ia akan memberi manfaat kepada penjawat awam daripada segi kenaikan gaji, kenaikan pangkat dan lain-lain faedah bagi menghadapi kos sara hidup yang meningkat.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 (PP 1/2016) – Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia telah dikeluarkan kuat kuasa 1 Julai 2016. PP 1/2016 merupakan satu pakej rasionalisasi skim perkhidmatan yang merangkumi perkara berikut:

- (a) penambahbaikan 252 skim perkhidmatan;
- (b) penetapan RM1,200 sebagai Gaji Permulaan Terendah;
- (c) pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) berikutan penambahbaikan skim perkhidmatan; dan
- (d) penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) berikutan penambahbaikan skim perkhidmatan.

Rasionalisasi skim perkhidmatan ini adalah untuk memperkemaskan pengurusan skim perkhidmatan bagi menarik dan mengekal modal insan terbaik, mewujudkan fleksibiliti dalam urusan perkhidmatan, menambah baik mobiliti dan kemajuan kerjaya dan mengemas kini syarat lantikan supaya relevan dengan keperluan semasa. Urusan rasionalisasi ini juga

bertujuan untuk memperluaskan peluang pemegang kelayakan kemahiran untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam dengan memasukkan kelayakan pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dalam skim perkhidmatan tertentu.

Rasionalisasi skim perkhidmatan melibatkan perkara berikut:

- (a) penyeragaman gred jawatan/kod gaji di gred lantikan bagi skim perkhidmatan berkelayakan SPM dan STPM/diploma;
- (b) penambahan lapisan gred kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
- (c) peluasan pemakaian kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sebagai syarat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam skim perkhidmatan berkelayakan SPM;
- (d) pindaan nama/kod Klasifikasi Perkhidmatan dan kod gaji;
- (e) pewujudan skim perkhidmatan bersepadu baharu;
- (f) pindaan perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan;
- (g) pemindahan kelayakan masuk sijil politeknik/sijil setaraf STPM daripada skim perkhidmatan berkelayakan SPM kepada skim perkhidmatan berkelayakan STPM/diploma; dan

(h) penjumudan dan pemansuhan skim perkhidmatan.

Selain dari itu, bagi memastikan kesejahteraan penjawat awam, Kerajaan melalui Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-14 Tahun 2015 telah bersetuju menaikkan kadar minimum Imbuan Tetap Perumahan (ITP) ke RM300 sebulan mulai 1 November 2015 bagi semua gred Kumpulan Pelaksana dan pegawai Gred 41 dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P). Di samping itu, pegawai yang mendiami kuarters turut menerima pemberian 25% daripada kadar ITP pegawai.

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa prihatin akan kesejahteraan penjawat awam terutamanya yang melibatkan kenaikan kos sara hidup. Namun, kajian serta semakan yang dijalankan ke atas saraan penjawat awam adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.